

## Harga ayam dah mula naik

	SENARAI	HARGA	NAIK	PASAR
1.	AYAM		8.20	
2.	KERANG		14.00	
3.	KELI		10.00	
4.	KERISI		21.00	
5.	KEMBUNG		20.00	Metro
6.	KETAM		38.00	
7.	KODIAK			

AYAM dijual pada harga RM8.20 di sebuah kedai runcit di bandar Kluang. FOTO Adnan Ibrahim

Adnan Ibrahim  
am@hmetro.com.my

TINJAUAN di beberapa kedai runcit dan pasar awam di sekitar bandar Kluang, Johor mendapati harga ayam standard mula mengalami kenaikan harga mendadak.

Sekilogram ayam standard kini dijual pada harga RM8.20 hingga RM8.50 sekilogram berbanding RM5.50 hingga RM6.80 sekilogram minggu lalu.

Seorang peniaga ayam mahu dikenali sebagai Hamdan, 30-an, berkata, dia terpaksa menaikkan harga jualan berikutnya harga oleh pembekal terlalu tinggi.

Katanya, antara alasan yang diberikan pembekal adalah bekalan ayam tidak mencukupi dan ia dapat dilihat apabila ayam yang diterima terlalu kecil berbanding sebelum ini.

"Kami berniaga, jika pembekal beri harga tinggi, kami juga perlu untung sedikit.

"Kami harap perkara dapat diselesaikan dalam tempoh terdekat ini bagi memastikan harga tidak melambung tinggi apatah ketika menjelang Hari Raya Aidilfitri," katanya.

Di Pasar Awam Kluang ayam standard dijual pada harga RM7.50 sekilogram berbanding sekitar RM5.50 hingga RM6.00 minggu lalu.

Sementara itu, seorang pengguna, Rosnah Ahmad, 42, berkata dia terkejut dengan kenaikan mendadak harga ayam.

Katanya, dia bimbang jika kenaikan harga itu didorongi sifat rakus pihak tertentu untuk keuntungan lebih.

"Pihak berkuasa perlu bertindak bagi memastikan tiada pihak mengambil kesempatan menaikkan harga ayam terutama menjelang musim perayaan," katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/578703/harga-ayam-dah-mula-naik>

Artikel ini disiarkan pada : Jumaat, 15 Mei 2020 @ 2:01 PM

